

# Sorok syabu guna bengkung

## Taktik lelaki Iran seludup dadah RM550,000 terbongkar

Berita Harian 16/05/2010 M/S 12

Oleh Badrul Kamal Zakaria  
bhnews@bharian.com.my

**S**HAH ALAM: Taktik seorang lelaki warga Iran menyeludup 2.2 kilogram syabu bernilai RM550,000 ke negara ini dengan menggunakan bengkung di perutnya untuk menyorok dadah terbongkar, selepas dia ditahan setiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Sepang, Khamis lalu.

Lelaki berumur 41 tahun yang tiba dengan penerbangan dari Dubai itu ditahan dan diperiksa selepas dilihat berkelakuan mencurigakan di kaunter tuntutan bagasi kira-kira jam 10.30 malam.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Selangor, Asisten Komisioner Nordin Kadir percaya helah terbaru sindiket dadah itu mungkin digunakan selepas percubaan mereka menyeludup masuk dadah melalui bagasi sentiasa gagal.

“Kami ingin memberi

amaran kepada penyeludup, apa jua taktik yang hendak digunakan bagi mengelirukan polis, kami tidak akan mudah terpedaya,” katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Selangor di sini, semalam.

Nordin berkata, pada hari sama, seorang penjual permaidani yang juga warga Iran ditahan kerana memiliki lapan botol kecil lut sinar mengandungi 170 gram syabu bernilai RM51,000.

Lelaki berusia 40 tahun yang sudah lima tahun tinggal di Malaysia ditahan di kediamannya di Taman Tun Abdul Razak, Ampang, Selangor.

Dalam kes membabitkan rakyat tempatan, Polis Bahagian Narkotik Petaling Jaya menemui ketamin seberat 1.2 kilogram, 7,000 pil Eramin 5 bernilai RM152,000 dan wang tunai RM67,000 yang dipercayai hasil penjualan dadah selepas menyerbu sebuah rumah di Petaling Jaya, kelmarin.



**NORDIN** menunjukkan syabu yang disorok dalam bengkung di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Selangor, Shah Alam, semalam.